

UPACARA PERASMIAN PENYEMPURNAAN LEBUHRAYA UTARA-SELATAN

TEMPAT REHAT, RAWANG, SELANGOR, 8 SEPTEMBER 1994

Saya mengucapkan terima kasih ke pada pihak Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad (PLUS) kerana menjemput saya untuk merasmikan penyempurnaan Lebuhraya Utara-Selatan pada hari ini.

2. Saya gembira bahawa negara kini mempunyai sebatang lebuhraya bertaraf antarabangsa yang dapat membantu mempercepatkan pembangunan ekonomi dan sosial di negara ini. Pemandu-pemandu juga kini boleh memandu dengan lebih selesa, menjimatkan masa dan lebih selamat. Saya mengucapkan syabas kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia dan PLUS kerana melaksanakan projek ini dengan jayanya.

3. Projek lebuhraya ini adalah antara projek Kerajaan yang terawal diswastakan. Dengan pelaburan yang tinggi dalam aneka jenis industri oleh pelabur dari dalam dan luar negeri amatlah penting pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, pelabuhan, lapangan terbang serta kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik turut dibangunkan dengan sama pesat.

4. Biasanya Kerajaan membiayai infrastruktur daripada hasil pendapatan Kerajaan dan pinjaman. Pinjaman juga bergantung kepada kewangan Kerajaan. Adalah jelas jika pembangunan infrastruktur ditentukan oleh kemampuan Kerajaan, maka ia akan lewat dibina dan tidak akan terdaya membekalkan keperluan industri yang berkembang pesat. Dengan itu pelaburan akan tersekat dan pertumbuhan negara terhalang.

5. Melalui penswastaan, kewangan Kerajaan tidak lagi menjadi penghalang. Sebaliknya, kewangan Kerajaan menjadi lebih kukuh kerana Kerajaan tidak lagi perlu mengadakan peruntukan untuk projek dan gaji kakitangan dalam badan berkenaan. Syarikat swasta mengambilalih semua perbelanjaan ini.

6. Pengurusan secara komersil menyebabkan projek disiapkan serta pendapatan diperolehi lebih awal. Kerajaan juga mendapat cukai di mana dahulu tidak ada keuntungan dan tidak ada cukai. Kakitangan Kerajaan yang tidak terlibat dengan penswastaan pun mendapat nikmat daripada pengurangan perbelanjaan Kerajaan dan pertambahan cukai yang dikutip.

7. Rakyat juga mendapat manfaat daripada kemudahan infrastruktur yang siap lebih awal dan pengagihan belanjawan Kerajaan kepada kemudahan-kemudahan infrastruktur dan subsidi yang lain. Pasaran saham dan pelabur kecil dan besar tentu akui akan kesan baik daripada penswastaan. Sekarang terdapat banyak syarikat gergasi yang disenaraikan di mana dahulu tidak ada. Oleh kerana Kerajaan memperuntukkan sebahagian besar

daripada saham-saham kepada PNB dan syarikat-syarikat Amanah Saham Bumiputra lain, maka proses penswastaan berjaya menjadikan lebih tiga juta Bumiputera sebagai pemilik saham syarikat-syarikat gergasi.

8. Pendekata semua pihak, termasuk kakitangan Kerajaan yang dipindahkan ke syarikat swasta mendapat manfaat daripada proses penswastaan. Oleh kerana sebab-sebab inilah maka Kerajaan akan meneruskan dasar penswastaannya.

9. Pembukaan Lebuh raya Utara-Selatan hari ini bukan sahaja membuktikan kejayaan dasar penswastaan tetapi juga keberkesanan kerjasama yang rapat di antara sektor awam dengan swasta selaras dengan Dasar Persyarikatan Malaysia atau Malaysia Incorporated.

10. Ia membuktikan kebolehan dan kemampuan industri pembinaan tempatan melaksanakan projek raksasa. Jelaslah bahawa kita juga mempunyai kepakaran serta mutu kerja yang setanding dengan industri pembinaan antarabangsa. Projek ini juga menunjukkan kemampuan kita mengurus dan membina sebuah prasarana yang kompleks yang bertaraf 'world class' dengan menggunakan kepakaran luar negeri di tahap yang minima sahaja. Projek sebesar ini juga telah berjaya dibiayai oleh institusi kewangan tempatan yang sudah mantap dengan kepakaran 'financing' yang canggih dan terkini. Kontraktor-kontraktor kita telah membuktikan kemahiran mereka dengan menyiapkan kerja lebih awal daripada yang ditetapkan oleh Kerajaan.

11. Projek ini juga berjaya mencungkil bakat perniagaan dan pengurusan Bumiputera yang jelas setanding dengan bukan Bumiputera. Demikianlah pengiktirafan kepada kebolehan syarikat Bumiputera sehingga negara-negara lain tidak ragu-ragu lagi menjemput mereka untuk melaksanakan projek-projek di negara berkenaan.

12. Sektor swasta mempunyai peranan yang penting dalam mempercepatkan proses perindustrian negara. Antara peranan utama yang boleh dimainkan oleh sektor swasta ialah memenuhi kekurangan dalam sektor awam. Sektor swasta boleh menyediakan keperluan kewangan bagi membiayai sesuatu projek di samping melaksanakannya dengan lebih cekap dan efektif. 'Flexibility' yang ada pada sektor swasta juga membolehkan sektor itu lebih agresif dan efisien. Kerajaan boleh membantu dengan mempercepatkan bukan sahaja proses sesuatu projek, tetapi juga meningkatkan mutu khidmat yang disediakan.

13. Penjimatan masa dan kecekapan adalah dua faktor yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dengan mengadakan prasarana yang terancang dan bertaraf antarabangsa seperti Lebuh raya Utara-Selatan kita boleh menjimatkan masa

dan memudahkan pengangkutan barangan dan penumpang. Saya yakin Lebuhraya Utara-Selatan ini akan dapat membantu pertumbuhan berbagai-bagai industri termasuk perumahan dan bandar-bandar baru. Di samping itu, laluan lebuhraya amat sesuai untuk kabel telekomunikasi dan kemudahan pelancongan seperti perhentian beristirahat dan motel sepanjang lebuhraya.

14. Dengan wujudnya sistem rangkaian pengangkutan yang baik, maka tempat-tempat yang dihubungi oleh jalan raya atau lebuhraya akan dapat dibangunkan secara tersusun. Dari utara ke selatan, pelbagai kemudahan telah disediakan untuk memenuhi keperluan penduduk dan pembangunan kawasan. Bandar Nilai, misalnya, telah mengalami perubahan yang besar bukan hanya dengan adanya Lebuhraya Seremban tetapi juga kerana cadangan untuk membina Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang. Di samping menyediakan prasarana untuk pembangunan, lebuhraya bukan sahaja menarik pelaburan dari dalam dan luar negeri tetapi juga membuka peluang-peluang perniagaan kecil tempatan. Gerai-gerai yang disediakan oleh PLUS boleh menampung keperluan peniaga kecil yang berdekatan. Hanya yang dikehendaki ialah mereka berniaga secara lebih teratur.

15. Kesan pembukaan Lebuhraya Utara-Selatan sudah pun jelas ternampak. Bandar-bandar kecil dan terpencil sudah tumbuh dengan pesatnya. Hari ini bandar-bandar seperti Bukit Kayu Hitam, Kangar, Alor Setar, Sungai Petani, Seberang Perai, Bukit Mertajam dan Seberang Jaya sudah menjadi pusat industri kerana bandar-bandar ini tidak lagi dianggap jauh dari pelabuhan atau lapangan terbang antarabangsa. Eksekutif syarikat sekarang sanggup tinggal atau bekerja di bandar-bandar ini kerana mudah bagi mereka pergi dan balik dari bandaraya.

16. Sungai Petani hari ini bukan lagi sebuah bandar kecil yang dilalui untuk ke Alor Setar atau Thailand tetapi adalah sebuah bandar yang berkembang maju. Hari ini ketiga-tiga estet perindustriannya, iaitu Batu Arang, Tikam Batu dan Sungai Petani telah berjaya menarik pelaburan bernilai beratus juta ringgit. Pusat-pusat komersil dan kawasan perumahan di bandar tersebut juga sedang membangun dengan cepat sekali.

17. Pulau Pinang yang memang pesat membangun telah menjadi lebih sibuk kerana lebuhraya Utara-Selatan. Di masa yang sama, ramai yang suka memandu kereta sendiri dari Kuala Lumpur, Melaka, Johor Bharu dan Singapura ke Pulau Pinang, di mana dahulu mereka tidak berminat berbuat demikian kerana perjalanan tidak selesa. Sudah tentu industri pelancongan menjadi lebih maju. Pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang sudah menjadi lebih pesat daripada zaman ianya bergantung kepada taraf kawasan bebas cukai.

18. Di kawasan tengah pula, Lebuhraya Utara-Selatan memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan pembangunan hartanah di Ipoh, Perak, di mana tiga kawasan perumahan telah bertukar menjadi kawasan pertumbuhan baru. Taman pertama, Silibin; Jelapang dan Taman Meru, yang terletak di pinggir bandaraya Ipoh telah dibangunkan sebagai pusat bersepadu dengan industri ringan dan berat, kompleks komersil dan tempat peranginan golf.

19. Negeri Selangor dan Perak akan membangunkan kawasan seluas 24,000 hektar yang merangkumi empat daerah di sepanjang sempadan kedua-dua negeri itu yang dinamakan Lembah Bernam. Di Selangor juga, Lebuhraya Utara-Selatan membantu mempercepatkan pembangunan di bandar seperti Rawang, Serendah, Ulu Yam dan Batang Kali di mana projek kereta nasional kedua, sebuah kolej, pusat penyelidikan kesihatan, Perumahan Bukit Beruntung sedang dijalankan.

20. Di kawasan Selatan pula, Sungei Besi, Kajang, Bangi di Selangor; Nilai, Pedas, Labu di Negeri Sembilan; Ayer Keroh di Melaka dan Pagoh, Yong Peng - Air Hitam di Johor, adalah antara bandar-bandar yang pesat membangun dengan aneka jenis industri.

21. Nyatalah pembukaan Lebuhraya Utara-Selatan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada golongan peniaga, tetapi juga telah meningkatkan mutu kehidupan rakyat keseluruhannya, di samping memudahkan pengangkutan dan perjalanan.

22. Sekali lagi, saya mengucapkan tahniah kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia dan PLUS Berhad kerana bukan sahaja berjaya melaksanakan Lebuhraya Utara-Selatan tetapi menyiapkannya dalam tempoh 15 bulan lebih awal dari tarikh yang ditetapkan. Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan keseluruhan Lebuhraya Utara-Selatan.